






ESTEEM



ACADEMIC JOURNAL VOLUME 1. 2003 • ISSN: 1675-7939



Hadiah

UiTM
(PENANG)

Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang



CONTENTS

BHG. VOLUME 1 November 2017A

1.	MESSAGE FROM THE VC	i
2.	MESSAGE FROM THE CAMPUS DIRECTOR	ii
4.	THE PREDICTION OF DIESEL ENGINE NO_x EMISSIONS USING ARTIFICIAL NEURAL NETWORK <i>Mohd. Mahadzir Muhammad</i>	4
5.	THE EFFECT OF PHYSICS INSTRUCTION ON CONCEPTUAL CHANGE AND PROBLEM-SOLVING IN THE DOMAIN OF ELECTRIC CIRCUITS AMONG HIGH-ACHIEVER COLLEGE STUDENTS <i>Beh Kian Lim and Nazlinda Abdullah</i>	11
6.	VERTICAL SHIFT SPEED REDUCER: THERMOPLASTIC TRANSVERSE BAR <i>Muhammad Akram Adnan</i>	21
7.	NUMERICAL ANALYSIS OF EMBANKMENT ON SOFT SOILS WITH DIFFERENT CONSTITUTIVE MODELS <i>Rohamezan R.</i>	29
8.	A STUDY ON THE EFFECTIVENESS OF GROUND IMPROVEMENT TECHNIQUES <i>Ahmad M.F., Zakaria N.A. and Selamat M.R.</i>	39
9.	THE FATE OF HEAVY METALS IN A STABILIZATION POND SYSTEM TREATING HOUSEHOLD WASTEWATER <i>Lim Boon Tik</i>	51
10.	KRISIS RUMAHTANGGA DI KALANGAN PASANGAN ISLAM: KAJIAN TERHADAP KES-KES YANG DILAPORKAN DI MAHKAMAH SYARIAH BUKIT MERTAJAM <i>Zulkifli Dahalan</i>	59
11.	THE ROLE OF SOCIAL MARKETING IN HEALTH EDUCATION <i>Tn. Haji Ismail Sualman</i>	67
12.	ASSESSING SELF-STUDY MANUAL ON STUDENT ACADEMIC ACHIEVEMENT IN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG <i>Jamilah Karim, Peridah Bahari and Norhayati Mohammad Noor</i>	77
13.	PROMOTING DIVERSITY IN THE ESL CLASSROOM: AN APPROACH TO LEARNER TRAINING <i>Suchithra Nair</i>	89
14.	ADAKAH SOALAN UJIAN ANDA BAGUS? <i>Cheng Pei Eng, Suzana Ab. Rahim, Rushita Ismail and Ch'ng Pei Cheng</i>	97
15.	READING ATTITUDES OF UiTM PENANG STUDENTS: AN EXPLORATORY STUDY <i>Leela Susana Jamian and Emily Jothee Mathai</i>	109

Krisis Rumahtangga Di Kalangan Pasangan Islam: Kajian Terhadap Kes-Kes Yang Dilaporkan Di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam

Zulkifli Dahalan

Pusat Pendidikan Islam

UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bukit Mertajam

Abstrak

Tanggungjawab seseorang individu akan berbeza setelah mereka mendirikan rumahtangga. Sebarang tindakan yang diambil adalah mengambil kira kepentingan setiap anggota dalam keluarga. Mereka akan sentiasa berinteraksi bagi memenuhi keperluan masing-masing. Bagi pasangan yang gagal membentuk kematangan setelah berumahtangga, mereka mengundang krisis. Ia berlaku apabila setiap pihak tidak bersedia untuk bertolak ansur sesama mereka. Pejabat Agama akan dikunjungi jika krisis ini memuncak. Perceraian mungkin berlaku jika mereka tidak dapat didamaikan lagi. Penulisan ini bertujuan mengetengahkan permasalahan krisis rumahtangga yang telah dilaporkan di Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah dan juga Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam.

Pendahuluan

Perkahwinan menjadi titik mula seseorang perlu bertanggungjawab secara langsung terhadap individu lain. Setiap pihak wajar bersedia mengorbankan kepentingan masing-masing bagi memastikan kebahagiaan yang ingin dikecapi berpanjangan. Tanpa kesediaan ini agak sulit untuk mewujudkan kebahagiaan di alam berumahtangga.

Kerukunan hidup berumahtangga adalah antara impian setiap pasangan yang berkahwin. Ia banyak bergantung kepada kesediaan kedua-dua belah pihak memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Krisis rumahtangga dapat diredakan jika setiap pihak sanggup bertolak ansur ketika mengendalikan urusan sesama mereka. Penulisan ini bertujuan mengenal pasti masalah yang sering berlaku di kalangan pasangan suami isteri sehingga berlakunya pertelingkahan antara mereka.

Tanggungjawab di dalam Perkahwinan

Perkahwinan dalam Islam adalah satu kontrak sivil antara pihak lelaki dan wanita. Dari sudut undang-undang, perkahwinan diadakan dengan tawaran dibuat oleh suatu pihak dan penerimaan oleh pihak yang satu lagi (Ahmad Ibrahim, 1999:25). Setiap pihak akan mempunyai tanggungjawab masing-masing setelah kontrak dilakukan. Suami bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya. Pihak isteri pula bertanggungjawab mentaati suaminya. Hal ini dijelaskan dalam kitab-kitab fiqh dan juga peruntukan undang-undang.

Wanita yang berkahwin mempunyai hak ke atas suaminya sama ada berbentuk material atau sebaliknya. Hak-hak yang melibatkan hartaan adalah mahar dan nafkah. Selain itu mereka turut mempunyai hak-hak yang tidak bersifat kebendaan seperti sifat ihsan suami ketika bersama, baik dalam pergaulan dan adil. Secara detail hak-hak tersebut merangkumi keperluan batin isteri, haram bersetubuh ketika

isteri sedang haid, haram meliwat isteri, merancang kelahiran anak dengan persetujuan isteri, bergaul dengan baik dan berlaku adil jika berpoligami (al-Zuhayli, 1987: 327-332).

Perkahwinan bukan halangan seseorang wanita menguasai sesuatu yang telah dimilikinya. Hak-hak peribadi dan kehartaaannya kekal terpelihara walaupun telah bersuami. Malahan tanggungjawab di alam rumahtangga lebih terbeban kepada pihak suami. Suami bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya dan anak-anak. Nafkah ini meliputi perbelanjaan makan minum, pakaian, tempat tinggal dan apa-apa sahaja yang diperlukan dalam kehidupan seharian (Zulkifli, 2002: 2). Ia selaras dengan maksud sabda Rasulullah s.a.w.: "Adalah menjadi tanggungjawab kamu kepada mereka (isteri-isteri kamu) memberikan mereka rezeki serta pakaian sekadar yang patut" (Riwayat Muslim).

Suami juga wajib menggauli isterinya dengan baik dan membimbingnya dalam kehidupan berumahtangga. Dia turut bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kehormatan isterinya (al-Zuhayli, 1987: 327-334). Rasulullah s.a.w. ketika ditanya oleh seorang lelaki mengenai hak wanita terhadap suaminya menyatakan "Hak-hak tersebut ialah menyediakan makanan, pakaian, tidak memukul muka, tidak menghina serta tidak mengasingkan diri darinya" (riwayat Ahmad, Abu Daud dan Ibn Majah).

Hak-hak suami pula ialah kewajipan isteri mentaatinya, bersifat amanah dalam menjaga kehormatan suami merangkumi keperibadian, rumah, harta dan anak-anak. Isteri dikehendaki bergaul secara baik dengan suami, mandi setelah suci hadas besar. Suami bertanggungjawab mendidik isterinya berdasarkan garis panduan yang ditetapkan syarak. (Ibid, 334-342).

Dalam soal pengendalian rumahtangga, isteri berkewajipan menguruskan kerja-kerja rumah selaras dengan kewajipan mencari nafkah suami. Ini selaras dengan aturan yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. apabila baginda menentukan anaknya, Fatimah menguruskan rumahtangga manakala menantunya Ali melakukan kerja-kerja di luar rumah. Kerukunan rumahtangga bergantung kepada kelicinan setiap pasangan memahami tanggungjawab masing-masing.

Kehidupan berumahtangga wajar diwarnai dengan suasana kegembiraan dan keharmonian. Tanpa gelagat ini, alam berumahtangga akan terasa kosong dan sunyi. Hal ini pernah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya "Segala sesuatu selain daripada *zikrulLah* adalah sia-sia dan mainan belaka kecuali empat perkara iaitu suami yang bergurau senda dengan isterinya, orang yang melatih kudanya, orang yang berlari di antara dua garis pelepas dan penamat serta orang yang mengajar berenang" (riwayat al-Nasa'i). Justeru kedua-dua pihak perlu berusaha menjadikan suasana tersebut wujud dalam kehidupan kekeluargaan mereka.

Prinsip Perkahwinan

Perkahwinan bertujuan menyusun pergaulan penuh kasih sayang antara lelaki dan perempuan berteraskan panduan hukum Islam. Perkahwinan adalah asas kepada pembentukan keluarga, masyarakat dan juga negara. Kepincangan hidup berkeluarga mempengaruhi susun atur kedua-dua institusi tersebut.

Bagi menyusun kehidupan berkeluarga ini, Islam telah menetapkan beberapa peraturan yang berbentuk pengajaran dan juga perundangan. Kesempurnaan penyusunan ini berkait rapat dengan kesedaran tanggungjawab dan juga undang-undang yang mengawal. Ia terkandung dalam dua prinsip utama iaitu:

1. Pendidikan bertujuan mengukuhkan kesedaran beragama.
2. Undang-undang dan peraturan yang mengawal supaya tanggungjawab dipenuhi.

Menerusi pendidikan, peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh setiap anggota keluarga dapat dijelaskan. Hak-hak dan tanggungjawab tersebut perlu dipatuhi bertujuan mengelakkan kepincangan dalam kehidupan berkeluarga. Peraturan undang-undang pula berperanan apabila kepincangan yang berlaku tidak dapat diselesaikan melalui didikan dan nasihat. Sikap bertolak ansur, memahami kelebihan dan kekurangan masing-masing adalah asas penyelesaian apabila timbul sebarang permasalahan.

Pihak suami atau isteri akan dianggap sebagai *nusyuz* jika mereka tidak mematuhi tanggungjawab yang telah diamanahkan selaras dengan kehendak syarak. *Nusyuz* adalah perbuatan yang dimaksudkan kepada kegagalan salah satu pasangan menggauli pasangannya berlandaskan kehendak syarak. Jika isteri bertindak membelakangkan suaminya atau tidak mentaatinya sedangkan ianya tuntutan syarak, dia dianggap telah *nusyuz* (al-Sadlan, 1417H: 17).

Krisis Rumahtangga

Krisis rumahtangga seringkali berlaku apabila kedua-dua pihak atau salah satu pihak gagal memainkan peranan masing-masing. Kegagalan ini dikaitkan dengan kurangnya kefahaman pasangan yang berkahwin mengenai tanggungjawab selepas berumahtangga. Walaupun setiap pasangan dikehendaki menghadiri kursus-kursus pra-perkahwinan namun ia hanya sekadar syarat pelengkap untuk berumahtangga.

Bagi Daerah Seberang Perai Tengah terdapat berbagai sebab dinyatakan sebagai punca berlakunya ketegangan hubungan antara suami dan isteri. Ia disenaraikan sebagai berikut (Mohd. Shakir Abdul Hamid, temubual 2002):

1. Proses memilih jodoh tidak dilakukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Ibubapa tidak lagi berperanan dalam pemilihan jodoh anak masing-masing.
2. Faktor agama tidak menjadi perkiraan utama ketika proses pemilihan dilakukan. Kebanyakan pasangan berkahwin atas dasar cinta ketika usia remaja.
3. Cara didikan ibubapa yang terlalu memanjakan anak-anak menyebabkan mereka tidak dapat mengendalikan perjalanan hidup setelah berumahtangga. Keadaan menjadi bertambah parah apabila berlakunya campur tangan keluarga dalam urusan rumahtangga pasangan tersebut.
4. Kepimpinan rumahtangga tidak berkualiti apabila suami tidak mempunyai kemahiran yang cukup untuk memimpin isteri dan juga anak-anak.
5. Suami isteri tidak memahami batasan tanggungjawab dan peranan mereka dalam hidup berkeluarga.
6. Pasangan tidak mempunyai persediaan yang cukup untuk menempuh alam rumahtangga.
7. Suami gagal melaksanakan tanggungjawab berpogami selaras dengan kehendak Islam.
8. Gangguan orang ketiga bertujuan mengocakkan kerukunan rumahtangga yang telah terbina.
9. Tekanan ekonomi apabila berlaku pemberhentian pekerja menyebabkan pasangan yang berkerja di sektor industri kehilangan punca pendapatan. Mereka sukar untuk mencari pekerjaan lain kerana tidak mempunyai kelayakan yang baik.
10. Masalah kemampuan dalam memenuhi keperluan batin kedua-dua belah pihak.
11. Faktor cemburu; suami tidak percaya kepada isterinya atau isteri tidak percaya kepada suaminya.
12. Perkahwinan secara paksa.

Faktor-faktor di atas adalah antara punca berlakunya ketegangan dalam kehidupan suami dan isteri. Ia turut membawa kepada perceraian apabila kedua-dua pihak tidak mampu untuk bertolak ansur lagi. Kedua-dua belah pihak hendaklah berusaha agar ketegangan yang berlaku dapat diselesaikan sebaik mungkin. Suami atau isteri boleh mencari penyelesaian dengan meminta bantuan daripada orang lain. Di dalam al-Qur'an telah digariskan sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah ‘orang tengah’ (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua ‘orang tengah’ itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat Mendalam pengetahuanNya” (surah al-Nisaa’: 35). Kedua-dua pendamai tersebut terdiri dari kalangan yang berwibawa dan dihormati oleh pasangan tersebut. Selain itu penyelesaian lain ialah dengan membawa permasalahan mereka kepada pengetahuan pihak berkuasa agama setempat.

Aduan Masalah Rumahtangga

Sebelum dibawa ke Mahkamah Syariah, aduan-aduan mengenai masalah rumahtangga akan dikendalikan oleh Pegawai Rundingcara Jabatan Agama Islam bagi setiap negeri. Ia merupakan peringkat tapisan sebelum difailkan ke mahkamah. Laporan tersebut akan digunakan oleh pihak mahkamah ketika perbicaraan (Mohd. Nawawi Ahmad, temubual 2002).

Terdapat berbagai bentuk pengaduan mengenai masalah rumahtangga diadukan di Pejabat Agama Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah. Jadual 1 menunjukkan bilangan dan bentuk aduan yang diadukan kepada Jabatan Agama Islam Daerah Seberang Perai Tengah sehingga Julai 2002. Terdapat 15 aduan mengenai isteri keluar rumah tanpa izin suami, isteri engkar dan gagal melaksanakan tanggungjawab sebanyak 12 aduan, 10 aduan mengenai suami ada perempuan lain, 62 aduan mengenai suami mengabaikan tanggungjawab nafkah, 2 aduan mengenai masalah batin, 12 aduan mengenai suami penagih ganja, mabuk dan judi, 17 aduan mengenai penderaan suami, 6 aduan suami menghilangkan diri, 15 aduan mengenai masalah poligami, 2 aduan suami di penjara, 1 aduan mengenai cemburu buta, 14 aduan campur tangan ibubapa, 45 aduan tiada persefahaman, 5 aduan isteri curang dan 58 aduan mengenai masalah-masalah lain. Jumlah keseluruhan yang diterima adalah sebanyak 276 aduan.

Aduan pengabaian suami memberi nafkah kepada keluarga mencatat jumlah tertinggi dengan 62 aduan. Kegagalan memberi nafkah ini menyebabkan wujudnya ketegangan yang lain seperti tiada persefahaman dan seumpamanya. Faktor kesedaran dan kemampuan dikenal pasti punca utama suami mengabaikan kewajipan ini. Kebanyakan aduan yang diterima adalah membabitkan kegagalan suami memahami dan melaksanakan tanggungjawab mereka.

Kebanyak aduan yang sampai ke Jabatan Agama sudah di peringkat kronik dan sukar diselesaikan. Persepsi masyarakat sekian lama melihat Pejabat Agama adalah tempat terakhir untuk mereka mengadu masalah. Mengunjungi Pejabat Agama turut di salah tanggap sebagai kunjungan orang yang mempunyai masalah (Mohd. Nawawi Ahmad, temubual 2002).

Selain itu masyarakat kurang mempunyai keyakinan untuk mengadu mengenai masalah rumahtangga mereka di Jabatan Agama kerana kebanyakan pegawai yang bertanggungjawab tersebut tidak mempunyai kelayakan sepatutnya dalam soal rundingcara. Kebanyakan negeri hanya mempunyai seorang pegawai berijazah ditempatkan di pejabat negeri. Bagi daerah pula, kebanyakan mereka terdiri daripada kakitangan sokongan. Situasi ini menimbulkan keraguan bagi pasangan bermasalah dari kalangan yang mempunyai kedudukan lebih tinggi dalam masyarakat. Bentuk-bentuk aduan dapat dilihat melalui Jadual 1.

Pengaduan	Bulan							Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	
Isteri keluar rumah tanpa izin		3	4	5	3			15
Isteri engkar/abai tanggungjawab	2		4	3	1	2		12
Suami ada perempuan lain	2	1	3	1	2		1	10
Suami abai tanggungjawab nafkah	8	12	14	6	5	7	10	62
Masalah batin			1				1	2
Suami penagih ganja/mabuk/judi	1		5	2	1	1	2	12
Suami pukul/penderaan	1		2	4	3	4	3	17
Suami menghilangkan diri			2	1	2		1	6
Masalah poligami	5	1	1	1	4	2	1	15
Suami di penjara				1	1			2
Suami/isteri cemburu buta				1				1
Campurtangan ibubapa	2	1	4	1	2	2	2	14
Suami/isteri sakit jiwa								
Wali engkar								
Tiada persefahaman	5	3	11	5	6	10	5	45
Isteri curang/ada hubungan dengan lelaki lain			1		2	1	1	5
Lain-lain				16	17	13	12	58
Jumlah	26	21	52	47	49	42	39	276

Jadual 1 – Aduan Masalah Keluarga Bagi Tahun 2002 Daerah Seberang Perai Tengah
(Maklumat diperolehi dari Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah)

Kes-Kes Keluarga Di Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam

Perceraian adalah proses terakhir bagi pasangan yang berumahtangga jika tidak dapat menyelesaikan permasalahan mereka secara baik. Perceraian dibenarkan oleh Islam namun ia bukan satu bentuk galakan sebagaimana sabda Rasulullah s. a. w. iaitu "Perbuatan halal yang sangat dimurkai Allah ialah bercerai" (riwayat Abu Daud dan al-Hakim). Proses perdamaian hendaklah diusahakan kerana berbagai implikasi akan timbul jika berlaku perceraian khususnya bagi pasangan yang mempunyai anak. Jika segala proses yang diusahakan tidak menampakkan kejayaan, perceraian adalah alternatifnya. Mempertahankan perkahwinan yang bermasalah akan lebih menimbulkan kemudaratn kepada kedua-dua belah pihak atau salah satunya.

Mahkamah adalah tempat terakhir bagi pasangan yang tidak dapat menyelesaikan masalah antara mereka secara baik. Jadual 2 menunjukkan kes-kes keluarga yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam dari bulan Januari hingga September 2002. Jumlah keseluruhan kes yang dibicarakan adalah sebanyak 221 kes. Bulan April mencatat jumlah kes tertinggi dibicarakan iaitu sebanyak 43 kes.

Secara ringkasnya sebanyak 100 kes membabitkan tuntutan perceraian, 92 kes tuntutan pengesahan lafaz cerai, 19 kes tuntutan pengesahan cerai taklik, 9 kes tuntutan fasakh dan 1 kes tuntutan khulu' telah dibicarakan. Kes tuntutan perceraian mencatat jumlah terbanyak diikuti kes tuntutan pengesahan lafaz cerai.

Tuntutan perceraian selalunya dilakukan apabila pasangan tersebut tidak lagi boleh bersama. Seseorang suami atau isteri yang hendak bercerai hendaklah memohon kepada mahkamah dengan mengisi borang yang ditetapkan bersama beberapa syarat lain (Fasal 47 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985). Kes tuntutan pengesahan lafaz cerai dilakukan oleh pasangan yang bercerai di luar mahkamah sebagaimana disebut dalam Fasal 124 mengenai penalti terhadap perceraian yang dilakukan di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah. Adalah menjadi satu kesalahan melafazkan perceraian di luar mahkamah. Perceraian tersebut hanya akan berlaku apabila pihak mahkamah berpuas hati dengannya. Kebiasaannya kes-kes seperti ini dapat diselesaikan secara mudah apabila kedua-dua pihak sedia bekerjasama.

Fasal 50(1) dan (2) pula menjelaskan mengenai perceraian yang dilakukan secara taklik atau janji. Ia berlaku apabila pihak perempuan membuat permohonan kepada mahkamah dan pihak mahkamah berpuas hati dengannya setelah siasatan dilakukan. Lafaz taklik dibuat di awal perkahwinan dan tertera dalam surat nikah yang dikeluarkan. Manakala fasakh adalah berkaitan dengan tuntutan pembubaran perkahwinan oleh seseorang perempuan kerana satu sebab atau beberapa sebab yang telah digariskan dalam Fasal 52(1). Ia berkait dengan ketidakpuasan isteri terhadap ikatan perkahwinan yang sedang berjalan kerana sebab-sebab tertentu.

Pembubaran perkahwinan turut dilakukan melalui tuntutan khulu'. Fasal 49(1),(2), (3) dan (4) menjelaskan mengenai tuntutan pembubaran perkahwinan melalui khulu' atau tebus talak. Isteri membayar jumlah tertentu yang dipersetujui bersama kepada suami atas arahan mahkamah. Suami akan diarah melafazkan perceraian dengan cara penebusan dan mereka tidak boleh merujuk kembali.

Kes	Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Ju m
Tuntutan perceraian		12	6	1	24	14	12	11	16	4	100
Tuntutan Pengesahan lafaz cerai		5	8	7	16	10	12	10	8	16	92
Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik		4	1	2	1	5		2	1	3	19
Tuntutan Fasakh			3		1	1			1	3	9
Tuntutan Khulu'					1						1
Jumlah		21	18	10	43	30	24	23	26	26	221

Jadual 2 – Kes-kes keluarga di Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam
(Maklumat diperolehi dari Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam)

Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Krisis Rumahtangga

1. Pihak berkuasa agama negeri-negeri hendaklah menambah jumlah pegawai rundingcara bertauliah dan berwibawa bagi negeri dan daerah.
2. Kursus-kursus mengenai tatacara pengendalian keluarga hendaklah diadakan bagi pasangan yang telah berkahwin.
3. Media massa digunakan bagi menanamkan kesedaran melaksanakan tanggungjawab bagi golongan yang telah berumahtangga.
4. Perjalanan kursus-kursus pra-perkahwinan hendaklah sentiasa dipantau bagi memastikan ia berjalan mengikut matlamat sebenarnya.
5. Menyediakan modul khusus mengenai kekeluargaan untuk diguna pakai bagi kuliah-kuliah pengajian di masjid dan surau.
6. Pihak mahkamah syariah hendaklah sentiasa peka terhadap pandangan dan rungutan yang sering kedengaran.

Penutup

Situasi krisis rumahtangga ini menimbulkan kebimbangan kerana ia memperlihatkan jumlah keluarga bermasalah yang secara umumnya terdapat di Daerah Seberang Perai Tengah. Keluarga yang bermasalah mungkin lebih banyak kerana data-data ini hanyalah laporan masalah keluarga yang sampai kepada pihak berwajib. Bagi mengatasinya, setiap pihak wajar memainkan peranan masing-masing bagi meredakan masalah yang berlaku. Kebahagiaan sesebuah keluarga bergantung kepada sokongan semua pihak yang mempunyai hubungan dengannya.

Rujukan

Abdullah Basmeih (2001) *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (edisi Rumi)*. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Ahmad Ibrahim (1999) *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Dr. Wahbah al-Zuhayli (1987) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr.

Zulkifli Dahalan (2002) *Nusyuz Suami: Konsep Dan Penyelesaiannya*. Dibentangkan di Kolokium Akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang, November 2002.

Mohd. Nawawi Ahmad, (2002). *Pegawai Rundingcara, Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, Wawancara secara bebas, 13 November. Jam 3.00 petang. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993)*.

Mohd. Shakir Abdul Hamid, (2002). *Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Bukit Mertajam. Wawancara secara bebas, 11 November. Jam 11.30 tengahari. Dr. Saleh Ghanim al-Sadlan (1417) al-Nusyuz*. Riyadh: Dar Balnasiah.